

**Bapa Nurul Atikah Bersyukur, Ucap Terima Kasih PM Luangkan Masa Berbual Bernama  
10 September, 2011**

TAIPING, 10 Sept (Bernama) -- Bapa kepada remaja yang berjuang menentang penyakit barah tulang kronik, Nurul Atikah Bazilah Samsudin yang meninggal dunia Jumaat malam, melahirkan rasa bersyukur dan terima kasih kepada Perdana Menteri kerana merealisasikan impian anaknya.

Samsudin Hasbullah, 53, melahirkan rasa kesyukuran dan terima kasih kerana Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dapat meluangkan masa berbual dengan anaknya itu melalui telefon bimbit Menteri Besar Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir pada 19 Ogos lepas.

"Terima kasih kerana dapat luangkan masa bercakap dengan anak saya. Walaupun tidak dapat berjumpa dengan Perdana Menteri, perbualan dengan anak saya melalui telefon bimbit itu juga sudah cukup. Saya bersyukur," katanya dalam keadaan sebak dan sayu ketika ditemui pemberita selepas selesai pengkebumian anaknya di Tanah Perkuburan Islam Kampung Pinang Seberang di Kamunting di sini Sabtu.

Nurul Atikah, 14, meninggal dunia pada 11.05 malam di sisi bapanya manakala ibunya, Che Tom Osman, 45, ketika itu dalam perjalanan pulang ke rumah mereka di Taman Mewah, Kamunting daripada mengambil makanan tambahan untuk remaja itu.

Jenazahnya disembahyangkan di Surau Nurul Jannah Taman Mewah, Fasa 1, Kamunting, iaitu kira-kira 50 meter dari rumahnya. Lebih 100 orang hadir pada majlis pengkebumian itu.

Pada 19 Ogos lepas, Nurul Atikah yang telah lama memasang impian berjumpa dengan Perdana Menteri dapat berbual dengan Najib melalui telefon dan pemimpin itu memberi nasihat serta kata-kata semangat kepadanya selain bertanya khabar serta keadaan kesihatannya.

Peluang mengucapkan Selamat Hari Raya kepada Najib yang merupakan idolanya adalah sesuatu yang sangat mengembirakan Nurul Atikah.

Samsudin yang bertugas sebagai polis di Balai Polis Batu Kurau berkata anak bongsunya itu menonton rancangan komedi di televisyen bersama-samanya sebelum mengadu penat secara tiba-tiba.

"Kemudian anak saya berkata "tolong...ayah, tolong adik" dan selepas itu dia terus senyap (meninggal dunia)," katanya.

Beliau berkata keadaan anaknya selepas mengambil makanan tambahan sangat bagus iaitu bengkak-bengkak di tubuhnya kembali surut, tidak lagi bergantung kepada morfin, boleh tidur dengan selesa, mempunyai selera makan dan kekerapan membuang air kecil serta besar kembali normal.

Pemergian anaknya juga meninggalkan kesan mendalam apabila tarikh semalam juga menandakan beliau genap 33 tahun berkhidmat dengan pasukan polis, katanya.

Sementara itu Che Tom berkata: "Saya keluar dari rumah pada 9.30 malam, selepas ambil ubat (makanan tambahan) di Taiping, dalam perjalanan pulang suami telefon beritahu Nurul

Atikah mengalami kepenatan dan saya cakap saya dalam perjalanan balik ke rumah...kemudian panggilan kedua suami maklumkan anak saya sudah tiada".

Mengenai kehilangan pekerjaan sebagai penolong penyelia di sebuah kilang, Che Tom berkata apa pun tindakan majikannya termasuk menunjukkan tanda simpati terhadapnya kini tidak memberi apa-apa makna.

Beliau telah diberhentikan kerja oleh majikannya berkuat kuasa 7 Sept lepas apabila sering mengambil cuti tanpa gaji sejak 2009 untuk menjaga anak. Melalui surat yang diterima pada 1 Syawal lepas, syarikat itu mengatakan tidak lagi melayan sebarang permohonannya untuk bercuti tanpa gaji.

Nurul Atikah anak ketiga kepada pasangan itu mula dikesan menghidap barah tulang selepas terjatuh di rumahnya pada 2009.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsgeneral.php?id=612613>